



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **HAK KERAJAAN UNTUK MENYAMAN RAKYAT HARUS DIKAJI SEMULA**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia memandang serius keputusan Mahkamah Persekutuan pada hari Rabu (26 Sept 2018) di mana ia memutuskan bahawa kerajaan berhak untuk mengambil tindakan saman fitnah ke atas individu.

Mahkamah Persekutuan telah merujuk peruntukan Akta Prosiding Kerajaan 1956 bagi mencapai keputusan tersebut. Saya berpendapat bahawa Kerajaan harus mempertimbangkan untuk meminda Akta ini bagi membatalkan atau menyekat hak kerajaan untuk memfailkan tindakan saman fitnah ke atas warganya.

Oleh itu, saya menyokong saranan YB Hanipa Maidin untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji penghakiman Mahkamah Persekutuan dengan terperinci dan kemudiannya mencadangkan pindaan tersebut kepada Jemaah Menteri.

Saya berpendapat bahawa jaminan hak bersuara secara bebas memberi hak kepada rakyat untuk menyatakan pendapat mereka, sama ada memihak mahupun bertentangan dengan kerajaan yang mereka pilih. Tambahan pula, saya berpendapat bahawa kerajaan sepatutnya dianggap sebagai sebuah badan awam harus bersikap terbuka kepada teguran. Ini adalah intipati demokrasi yang seharusnya membolehkan kerajaan tertakluk kepada pengawasan dan komen rakyat jelata.

**GOBIND SINGH DEO**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**  
**28 SEPTEMBER 2018**